



TAHNIHAH: Zikry Hadry gembira dengan kemenangannya bersama Haji Adam, Mohd Kudat (kanan), Rahman (dua kanan) guru pengiring Raifah (kiri) dan Kasmah di Dewan Terbuka SK Lubok Temiang, kelmarin.

Zikry wakili Labuan ke Pertandingan Catur MSSM 2020

LABUAN: Murid Tahun 6 Aqil Sekolah Kebangsaan (SK) Lubok Temiang Zikry Hadry Zaidi akan mewakili Wilayah Persekutuan Labuan ke Pertandingan Catur MSS Malaysia peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

Kejayaan itu diperolehi selepas beliau menduduki tempat ke-3 kategori lelaki Bawah 12 Tahun di Pertandingan Catur MSSWPL 2020 yang diadakan di Dewan Sura-

pit, SK Layang Layangan pada 25-28 Februari lalu.

Seramai 10 pemain (5 orang lelaki dan 5 orang perempuan) membawa cabaran SK Lubok Temiang ke pertandingan catur peringkat Labuan untuk menyaingi 65 peserta lelaki dan perempuan.

Pasukan SK Lubok Temiang dibimbing Jurulatih Cikgu Mohamad Kudat Kanyo bersama guru pengiring Cikgu Kasmah Mohd Ali dan Cikgu Raifah Suhaili.

Mohamad Kudat berkata pertandingan itu bertujuan mencungkil kebolehan murid dalam pelbagai aktiviti dan menggalakkan murid berfikir dengan kritis.

Beliau menaruh harapan lebih ramai murid yang berminat dengan catur di sekolah dan berani untuk memasuki pertandingan yang lebih mencahar.

Sementara itu, Guru Besar SK Lubok Temiang Haji Adam Abdul Rahim mengu-

capkan tahniah kepada Zikry Hadry Zaidi yang terpilih mewakili MSSWPL di Kuala Lumpur.

“Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada jurulatih dan ibu bapa yang turut memberikan semangat kepada Zikry Hadry,” katanya sambil berharap beliau akan berusaha gigih menyaingi pemain negeri lain di Kuala Lumpur kelak.

Dengan kemenangan itu, Zikry Hadry menerima medal dan sijil penyertaan.